



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 AUGUST 2016

Gabung desak Dr. M tarik balik kenyataan, mohon maaf

UM - 27/8/2016

JOHOR BAHRU 26 Ogos -Majlis Penyelaras Gabungan NGO Negeri Johor (Gabung) mendesak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menarik balik kenyataannya berkenaan konsep Bangsa Johor yang didakwa bersifat kenegerian, baru-baru ini.

Presidennya, Zaini Atan berkata, kenyataan tersebut merupakan sesuatu yang mengganggu sensitiviti masyarakat serta tamparan hebat terhadap perkembangan komuniti di negeri ini.

"Bangsa Johor adalah kami semua, selama ini kami langsung tidak mempunyai masalah, malah masyarakat walaupun berbilang bangsa sentiasa mendukung semangat ini serta bangga menjadi rakyat Johor.

"Jangan sesekali perkara ini dipolitikkan kerana konsep Bangsa Johor ini merupakan tunjang yang menyatupadukan semua lapisan masyarakat serta menghargai semangat yang dibawa oleh

Sultan Johor.

"Oleh itu, kami sebagai anak jati negeri Johor yang berbeza agama dan keturunan mahu Dr. Mahathir menarik balik kenyataan itu kerana beliau tidak layak untuk berkata demikian," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Zaini berkata, pihaknya sentiasa berdiri teguh di belakang Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar serta menyokong penuh kenyataan yang dikeluarkan oleh baginda.

"Slogan Bangsa Johor itu bukan baharu dilaungkan, ia sudah menjadi tradisi dan kebanggaan masyarakat negeri ini sejak bergenerasi lagi.

"Sultan Ibrahim mempunyai hak untuk membidas dakwaan Dr. Mahathir kerana keluarga baginda sudah beratus tahun mempertahankan rakyatnya. Jadi, kali ini giliran kita pula bangun untuk mempertahankan legasi ini," katanya.